



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 19 OGOS 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PPZ-MAIWP GALAK ASNAF CEBURI PERTANIAN BANDAR, SH -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	DVS SARAWAK AKAN ADAKAN LEBIH BANYAK PROGRAM VAKSINASI ANTIRABIES PERCUMA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3. 4.	PAHANG PENGELUAR IKAN TERTINGGI DI PANTAI TIMUR, HM -ONLINE SUB SEKTOR AKUAKULTUR SUMBANG PENDARATAN IKAN 573,000 TAN METRIK, SH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/8/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

PPZ-MAIWP galak asnaf ceburi pertanian bandar



Abdul Aziz (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kewangan bagi program pertanian bandar di Kebun Kejiranan Bandar KRT Seri Perlis Perlis 2 pada Sabtu.

KUALA LUMPUR - Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menggalakkan golongan asnaf di kawasan perumahan awam menceburi program pertanian bandar

sebagai sebahagian usaha membantu meningkatkan ekonomi keluarga.

Pengerusi PPZ-MAIWP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, sebagai permulaan, lebih RM44,000 disalurkan kepada 100 asnaf terdiri daripada tukang kebun dan pekerja sektor kebersihan Jabatan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora bagi tujuan tersebut.

Menurutnya, program tersebut mendapat kerjasama MAIWP, DBKL, Alam Flora, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) dan Jabatan Pertanian bertujuan membantu penduduk KRT menambah baik kualiti hidup melalui pertanian selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

"Kami mahu program ini berjaya dan sasaran kami supaya peserta asnaf ini dapat berpindah daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

"Ia selari dengan sasaran kutipan RM1 bilion pada tahun ini, wang tersebut disalurkan kepada Baitulmal untuk diagihkan dan dilaksanakan projek ekonomi seperti pertanian bandar ini," katanya pada Program Pertanian Bandar dan Gotong Royong Muhibbah PPZ-MAIWP di Kebun Kejiranan Bandar KRT Seri Perlis Perlis 2 pada Sabtu.



Abdul Aziz (tiga dari kiri) bergambar bersama tetamu kehormat dan peserta Program Pertanian Bandar dan Gotong Royong Muhibbah PPZ-MAIWP di Kebun Kejiranan Bandar KRT Seri Perlis Perlis 2 pada Sabtu.

Turut hadir, Penasihat Jawatankuasa KRT Perumahan Awam Seri Perlis 2, Datuk Dr Elli Mohd Tahir dan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP,

Abdul Hakim Amir Osman.

Pada program itu, sebanyak sepuluh syarikat sub kontraktor dan syarikat pembekal pokok dan baja turut menunaikan zakat perniagaan.

Abdul Aziz yang juga Ahli Lembaga Pengarah MAIWP berkata, sebanyak lapan projek pertanian bandar di bawah MAIWP dilaksanakan tahun lepas dan diteruskan dengan sasaran 10 projek pada tahun ini.

"Kali ini PPZ-MAIWP sendiri akan melaksanakan program sama menerusi dana wakalah. Wang diterima daripada zakat syarikat akan disalurkan kepada projek pertanian bandar seperti ini dengan harapan peserta mampu membayar zakat kelak, Insya-ALLAH.

"Asnaf yang dipilih menerusi program ini akan dipantau oleh jawatankuasa juga jabatan pertanian bagi memastikan projek ini berjaya," ujar beliau.

Dalam pada itu beliau turut menyambut baik cadangan operasi pasar tani yang bakal berfungsi sebagai medium pemasaran hasil pertanian bandar.

"Saya bimbang jika berjaya hasil pengeluaran yang banyak tetapi tiada pasaran mantap akan menyebabkan lambakan hasil dan tiada pembeli.

"Dengan adanya pasar tani tersebut, akan dapat memperluaskan lagi pembeli untuk pasaran pertanian bandar ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/8/2023	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

DVS Sarawak akan adakan lebih banyak program vaksinasi antirabies percuma



Seorang kakitangan DVS Sarawak memberi suntikan vaksin antirabies kepada anjing-anjing pada program di SJK Chung Hua, Serian hari ini.

KUCHING: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak akan mengadakan lebih banyak program vaksinasi antirabies percuma untuk anjing peliharaan bulan ini bagi membendung penularan penyakit itu di negeri ini.

Menurut jabatan itu dalam catatan di halaman Facebooknya, kempen vaksinasi antirabies akan diadakan di Song, Samarahan dan Mukah pada 26 Ogos.

Di Song, pemilik haiwan peliharaan dinasihatkan membawa anjing mereka ke Stadium Terbuka daerah itu, manakala di Samarahan, kempen diadakan di dewan serbaguna Kampung Merdang Gayam.

Acara vaksinasi antirabies di Samarahan juga akan merangkumi program pelesenan oleh Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS).

Di Mukah, latihan vaksinasi antirabies akan dijalankan dari rumah ke rumah bagi pemilik haiwan peliharaan di kawasan Bukit Engkerbai dan Lubok Bemban.

Semua kempen ini dijadual pada 26 Ogos akan diadakan antara jam 9 pagi dan 4 petang.

Bulan depan, DVS Sarawak juga akan menganjurkan program vaksinasi serupa di Kapit di Lapangan Terbang Lama di bahagian itu pada 2 September dari 9 pagi hingga 4 petang.

Hari ini, kempen 'Hentikan Rabies' telah diadakan di SJK Chung Hua, Serian bukan sahaja memberi vaksin rabies kepada anjing, tetapi ceramah turut dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit itu.

Pemilik haiwan peliharaan diingatkan supaya memastikan anjing mereka mesti berumur lebih daripada tiga bulan dan sihat sebelum diberi vaksin rabies.

Mereka mesti membawa kad pengenalan dan kad vaksinasi haiwan peliharaan mereka jika ada.

Selepas vaksinasi, pemilik haiwan peliharaan mesti mengasingkan anjing mereka selama 28 hari untuk membolehkan imuniti terhadap rabies bertambah kuat.

Mereka dinasihatkan untuk tidak memandikan anjing itu sekurang-kurangnya seminggu selepas vaksinasi, dan tidak membiarkan anjing mereka berkeliaran dengan bebas di tempat awam.

Pemilik haiwan peliharaan yang terlepas kempen vaksinasi antirabies percuma dinasihatkan untuk menghubungi pejabat bahagian DVS Sarawak pada waktu pejabat untuk temu janji bagi mendapatkan vaksin rabies kepada anjing mereka.

Mereka boleh menghubungi Pejabat Veterinar bahagian di Kuching di talian 082-628249, 082-628250 atau 082-628255, Serian (019-2045829), Samarahan (082-671221), Sri Aman (083-322106), Betong (083-471622), Sarikei (084-658129), Sibul (084-330224), Kapit (084-798280), Mukah (084-871050), Bintulu (086-335770), Miri (085-411866), Limbang (085-215879) dan Lawas (085-285085).

DVS Sarawak berkata semua pemilik haiwan peliharaan di Sarawak mesti mendapatkan vaksin rabies anjing mereka setiap tahun mengikut Perintah Vaksinasi Antirabies.

Mereka yang gagal mematuhi ini melakukan kesalahan di bawah Seksyen 40 Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999 yang dikenakan denda tidak melebihi RM2,500.

Jabatan itu juga memberi amaran bahawa anjing yang ditemui tanpa bukti vaksinasi boleh ditahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/8/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

Pahang pengeluar ikan tertinggi di Pantai Timur



Kuantan: Jabatan Perikanan menjangkakan permintaan ikan air tawar akan terus meningkat sehingga 53 kilogram (kg) perkapita setahun menjelang 2030 berbanding 43 kg setahun kini.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata pelbagai usaha sudah dan akan dilakukan Jabatan Perikanan Negeri dalam usaha menarik minat lebih ramai rakyat negara ini menjadikan

ikan air tawar sebagai hidangan utama.

Katanya, bagi menampung permintaan terhadap pelbagai spesies ikan air tawar termasuk udang, usaha menambah lebih ramai lagi individu terbabit dalam bidang akuakultur terus dilakukan terutama di peringkat negeri.

"Kita juga menggalakkan pihak berkenaan terbabit mengusahakan projek pembiakbakaan induk, pengeluaran benih dan asuhan benih. Dengan cara itu industri akuakultur akan dapat terus berkembang," katanya pada Program Jelajah Perikanan "Rasa-rasa Akuakultur" Pahang 2023 anjuran Jabatan Perikanan Pahang di perkarangan bangunan Mara Pahang di sini, hari ini.

Katanya, industri akuakultur di Pahang sentiasa berkembang, kini terdapat kira-kira 1,496 hektar kawasan zon industri akuakultur (ZIA) disediakan kerajaan negeri, namun kini hanya 788 hektar saja digunakan, justeru rizab ZIA masih luas untuk dimajukan.

"Pengeluaran ikan di Pahang tahun lalu sebanyak 129,520 tan bernilai RM1.145 bilion. Ia membabitkan 107,982 tan ikan laut (RM794.4 juta), sebanyak 19,969 tan daripada akuakultur (RM314.3 juta). Sebanyak

1,569 tan perikanan darat (RM36.8 juta).

"Pahang kini muncul pengeluar ikan tertinggi di Pantai Timur dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 7,000 individu yang terbabit sebagai nelayan, penternak ikan dan usahawan produk berasaskan ikan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/8/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

Sub sektor akuakultur sumbang pendaratan ikan 573,000 tan metrik

KUANTAN – Sub sektor akuakultur telah menyumbang pendaratan ikan negara sebanyak 573,000 tan metrik pada tahun lalu. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan berbanding 417,000 tan metrik, tahun sebelumnya. "Kita lihat pada pertambahan angka itu dan ini sudah cukup membuktikan bahawa pengeluaran akuakultur ini secara tidak langsung dapat menampung kekurangan bekalan ikan khususnya pada musim tengkujuh. "Jadi, menjadi hasrat kita (Jabatan Perikanan) untuk meningkatkan lagi aktiviti akuakultur ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan isu keterjaminan makanan ditangani dengan secara berstruktur oleh agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Program Jelajah Perikanan 'Rasa-Rasa Akuakultur' negeri Pahang di pekarangan bangunan Majlis Amanah Rakyat (Mara) di sini pada Sabtu, yang turut dihadiri Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar. Pada majlis itu, bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan pengembangan (SPeKS) diberikan kepada tujuh usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) yang bernilai RM155,490. Turut disampaikan bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bernilai RM40,000 kepada dua usahawan, selain bantuan benih ikan kepada penternak akuakultur serta bantuan kit keselamatan kepada Ketua Jaringan Perikanan (KJP) Daerah Kuantan. Adnan memaklumkan, jabatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran sumber protein melalui sub sektor akuakultur. Beliau mengakui sektor itu mempunyai cabaran termasuk fenomena El-Nino yang melanda dunia dan negara turut menjejaskan pengeluaran akuakultur. "Ada penternak yang terkesan dengan perubahan cuaca ini (El -Nino), namun kita berharap situasi ini tidak berpanjangan dan aktiviti akuakultur ini kembali pulih," katanya. Tambah Adnan, bagi memastikan pengeluaran benih ikan yang mampan terus terjamin, pusat pengembangan akuakultur (PPA) bagi menghasilkan benih ikan telah diwujudkan di negara ini. Katanya, terdapat dua PPA di Pahang iaitu Bukit Tinggi, Bentong dan Perlok, Jerantut bagi pengeluaran benih sekali gus dapat memenuhi keperluan penternak sangkar, selain pelepasan ke perairan umum dalam negeri ini. Menurutnya, sebanyak 1.5 juta ekor benih ikan dikeluarkan di PPA Perlok manakala 2.47 juta ekor benih ikan di PPA Bukit Tinggi. "Kita yakin (pengeluaran benih ikan) ini dapat menampung sebahagian besar kekurangan benih yang berlaku di negara. "Kita (akan) lepaskan (benih ikan) ke perairan umum untuk meningkatkan stok populasi ikan dan ia pasti dapat memberikan manfaat kepada nelayan darat di negara ini," katanya.